

Kempen Memperbaharui dan Menaik Taraf dengan Snatch Medz+  
TERMA DAN SYARAT

Kempen Memperbaharui dan Menaik Taraf dengan Snatch Medz+ ("**Kempen**") dianjurkan oleh Berjaya Sompo Insurance Berhad ("**BSIB**") dan CIMB Bank Berhad ("**CIMB**") mengikut terma dan syarat ("Terma dan Syarat") yang dinyatakan di sini.

KRITERIA KELAYAKAN

1. Peserta mestilah seorang pemegang polisi Kemalangan Peribadi Kumpulan Snatch Medz+ yang aktif.
2. Mana-mana individu yang telah melakukan atau disyaki telah melakukan sebarang penipuan, perbuatan salah atau yang menyalahi undang-undang berkaitan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan dengan BSIB semasa Tempoh Kempen, adalah TIDAK layak untuk menyertai Kempen.
3. Peserta mungkin perlu mengemukakan bukti lanjut kelayakan mereka dalam tempoh masa sedemikian yang mungkin diperlukan oleh BSIB. Jika tidak, BSIB berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta.
4. Anda mestilah merupakan salah seorang Penerima Layak yang menerima mesej daripada Whatsapp Business BSIB sepanjang tempoh Kempen.
5. Peserta Layak mestilah telah memperbaharui pelan Kemalangan Peribadi Kumpulan Snatch Medz+ sedia ada mereka atau menaik taraf kepada pelan yang lebih tinggi semasa dalam Tempoh Kempen dengan menggunakan pautan URL yang disediakan dalam mesej WhatsApp.

TERMA DAN SYARAT AM

1. Para peserta perlu membaca Terma dan Syarat ini sebelum menyertai Kempen.
2. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen.
3. BSIB berhak untuk mengubah, menangguh atau menjadualkan semula tarikh Kempen atau melanjutkan Tempoh Kempen mengikut budi bicara tunggalnya.
4. BSIB boleh menamatkan atau menggantung Kempen pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya, dan dalam hal ini, BSIB boleh memilih untuk tidak memberikan sebarang Hadiah. Penamatkan atau penggantungan sedemikian tidak akan menimbulkan sebarang tuntutan oleh Peserta. Jika Kempen disambung semula oleh BSIB, Peserta perlu mematuhi keputusan BSIB mengenai penyambungan semula Kempen dan pelupusan Hadiah.



5. Peserta tidak layak untuk menuntut apa-apa pampasan daripada BSIB untuk sebarang kerugian dan ganti rugi yang dialami atau ditanggung, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang disebabkan oleh sebarang perwakilan, pindaan, perubahan atau pengubahsuaian dalam Terma dan Syarat Kempen, termasuk pembatalan, penamatkan, atau penggantungan Kempen, yang akan dikenakan mengikut budi bicara tunggal BSIB.
6. Keputusan BSIB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan wajib dipatuhi oleh Peserta dan sebarang rayuan terhadap keputusan ini tidak akan dilayan.
7. Semua maklumat, termasuk maklumat peribadi atau data yang diserahkan kepada BSIB berkaitan dengan Kempen, akan digunakan hanya untuk tujuan yang dinyatakan dalam dan akan dikendalikan mengikut Terma dan Syarat ini, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Notis Privasi BSIB, yang boleh didapati di <https://www.berjaysompo.com.my/page/privacy-notice>.
8. Dengan menyertai Kempen, Peserta mengizinkan dan bersetuju bahawa BSIB berhak mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi yang diserahkan untuk Kempen, termasuk menerbitkan data peribadi Peserta (contohnya, nama, alamat e-mel dan gambar) untuk tujuan publisiti, promosi dan pengiklanan berkaitan dengan Kempen SAHAJA, tanpa sebarang pampasan atau keperluan untuk memaklumkan Peserta terlebih dahulu.
9. BSIB akan mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah bagi memastikan bahawa mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam Kempen akan menyimpan data peribadi Peserta dengan selamat dan mengendalikannya selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Notis Privasi BSIB.
10. Peserta akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerugian, ganti rugi, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) akibat daripada penyertaan mereka dalam Kempen ini, penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan BSIB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kejadian tidak diingini, kerugian, ganti rugi, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) dalam apa-apa cara sekalipun.
11. Kempen ini akan dijalankan dalam Bahasa Inggeris.
12. BSIB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesilapan, peninggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam pengendalian atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau pemusnahaan, akses tanpa kebenaran kepada, atau pengubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau kerosakan teknikal laman webnya, sebarang rangkaian atau talian telefon, sistem dalam talian komputer, pelayan atau pembekal, peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel atau pemain disebabkan masalah teknikal atau kesesakan di Internet dan/atau laman web.

13. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

#### KAEDAH KEMPEN

1. Kempen akan bermula pada 14 Februari 2025 dan berakhir pada 31 Disember 2025 jam 23:59 (“Tarikh Akhir”), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”).
2. Peserta Layak akan dijemput untuk menyertai Kempen melalui mesej WhatsApp daripada akaun rasmi Berjaya Sompo Insurance Berhad. Mesej ini akan mengandungi pautan URL yang menyediakan akses kepada butiran Kempen untuk memberarkan peserta memperbaharui atau menaik taraf polisi mereka.
3. Peserta Layak mesti melengkapkan pembaharuan atau naik taraf bagi polisi mereka dalam Tempoh Kempen yang ditetapkan supaya layak menerima ganjaran.
4. Semua kos dan perbelanjaan berkaitan untuk menyertai Kempen dan menebus sebarang baucar adalah tanggungjawab sepenuhnya Peserta.

#### HADIAH DAN PENEBUSAN

1. Setiap Peserta Layak yang menyertai Kempen akan berpeluang memenangi yang berikut mengikut dasar tiba dahulu layan dahulu.

Pelan Snatch Medz+	Jumlah Premium Tahunan Perlu Dibayar	Kredit eDompet TNG (Hadiah)		Jumlah Ganjaran yang Diperuntukkan
		Perbaharui pelan semasa	Naik taraf kepada pelan lebih tinggi	
Pelan 1	RM696.60	RM100.00	Tidak berkenaan	RM26,400
Pelan 2	RM561.60	RM50.00	RM100.00	
Pelan 3	RM410.40	RM50.00	RM100.00	

2. Setiap Peserta Layak yang memenuhi syarat yang ditetapkan berhak menerima ganjaran berdasarkan jumlah polisi yang diperbaharui atau dinaik taraf. Jika pemegang polisi memiliki lebih daripada satu pelan polisi dan memperbaharui atau menaik taraf kesemuanya, Peserta Layak akan menerima Kredit eDompet TNG yang sepadan dengan setiap pelan individu yang diperbaharui atau dinaik taraf.
3. Kod unik Kredit eDompet TNG akan dihantar melalui mel elektronik (“e-Mel”) dalam tempoh empat puluh lima (45) hari selepas akhir bulan pembelian kepada Peserta Layak yang berjaya.
4. Peserta Layak yang berjaya mesti bertanggungjawab untuk menyediakan alamat e-Mel yang sah kerana BSIB akan menghantar kod unik ke alamat e-Mel yang diberikan semasa pembelian polisi Kemalangan Peribadi Kumpulan Snatch Medz+.

5. Kredit eDompet TNG adalah sah untuk tempoh TIGA (3) bulan dari tarikh pengeluaran. Peserta Layak perlu menggunakan baucar sebelum tarikh tamat tempohnya.
6. BSIB tidak bertanggungjawab untuk mengeluarkan semula Kredit eDompet TNG yang telah tamat tempoh disebabkan oleh status tidak dituntut atau penggunaan tanpa kebenaran oleh pihak ketiga.
7. BSIB berhak untuk mengubah, menambah, membatalkan, atau menggantikan baucar dengan pilihan lain yang sama nilainya pada bila-bila masa, dengan atau tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
8. Baucar tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau e-baucar lain yang sama nilainya.

#### PEMBERITAHUAN PENEBUSAN

1. Pengumuman akan dihantar melalui e-Mel dalam tempoh empat puluh lima (45) hari selepas akhir bulan pembelian kepada Peserta Layak yang telah berjaya.
2. BSIB berhak untuk menukar atau menangguhkan Tarikh Pemberitahuan, kepada apa-apa tarikh lain selepas tempoh Kempen mengikut budi bicara mutlaknya.

#### HILANG KELAYAKAN

1. BSIB berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta dan/atau menarik balik Kredit eDompet TNG (pada mana-mana peringkat Kempen) jika:
  - (a) Peserta menjadi tidak layak atau tidak memenuhi Keperluan Kriteria Kelayakan;
  - (b) Peserta melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini, peraturan dan pengawalan lain Kempen atau melanggar sebarang undang-undang atau peraturan yang berkenaan; atau
  - (c) BSIB percaya, mengikut budi bicara tunggalnya, bahawa Peserta cuba menjelaskan pengendalian Kempen melalui penipuan atau perdayaan.
2. Sekiranya hilang kelayakan berlaku selepas pengeluaran baucar, BSIB berhak untuk meminta balik baucar daripada Peserta yang hilang kelayakan tersebut. Jika Hadiah telah ditebus sepenuhnya, maka Peserta yang hilang kelayakan tersebut perlu membeli Kredit eDompet TNG dengan nilai yang setara dan memberikan kod baucar melalui e-mel kepada [customer@bsompo.com.my](mailto:customer@bsompo.com.my).